**NO. SOALAN : 16**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]** |
| **TARIKH** | **:** | **14.11.2019 (KHAMIS)** |

**SOALAN NO. 16**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status apakah perancangan pihak Kementerian dalam membantu rakyat miskin membaik pulih rumah-rumah yang daif ataupun usang serta membina baru rumah bagi penduduk yang masih tidak memiliki rumah di kawasan pedalaman di kawasan Parlimen Kinabatangan.

**NO. SOALAN : 16**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang Yang Berhormat maklum, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sangat komited dalam membantu rakyat di luar bandar untuk mendapatkan kediaman yang lebih selesa di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Setiap tahun Negeri Sabah antara negeri yang mendapat peruntukan yang besar untuk pelaksanaan PPRT.

Bagi tahun 2019, Negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM57.0 juta (iaitu 28.5% daripada peruntukan keseluruhan RM200 juta) bagi pelaksanaan 445 unit bina baharu dan 1,730 unit baik pulih. Daripada jumlah tersebut, Parlimen Kinabatangan telah mendapat sebanyak RM3.93 juta bagi pelaksanaan 194 unit PPRT iaitu 24 unit bina baharu dan 170 unit baik pulih.

Bagi tahun 2020, Negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM73.97 juta (iaitu 28% daripada peruntukan keseluruhan RM264.194 juta) bagi pelaksanaan 630 unit Bina Baharu dan 1,550 unit Baik Pulih. Bagi agihan peruntukan dan unit untuk daerah-daerah di Sabah termasuk Parlimen Kinabatangan akan ditentukan kemudian setelah perbincangan bersama Kerajaan Negeri Sabah.

Kementerian ini akan mempertimbangkan semua permohonan golongan miskin dan miskin tegar yang layak untuk mendapat bantuan PPRT sama ada baik pulih mahupun bina baharu. Walau bagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dan peruntukan sedia ada.

Sekian, terima kasih.